

28 MAY 2000

KHALIL: MESYUARAT PERTAMA MT UMNO TIDAK SEMESTINYA BUAT PELANTIKAN

PORT DICKSON, 28 Mei (Bernam) -- Mesyuarat Majlis Tertinggi (MT) Umno bulan depan, yang pertama selepas perhimpunan agung parti yang lepas, tidak semestinya akan membuat pelantikan untuk jawatan-jawatan tertentu parti, kata setiausaha agung parti Tan Sri Khalil Yaakob, hari ini.

Katanya terpulang kepada presiden Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sama ada hendak membuat pelantikan pada mesyuarat itu atau kemudian.

"Tidak semestinya dilantik pada mesyuarat pertama...tiada disebut dalam perlembagaan, masa (pelantikan) terpulang kepada presiden," kata Khalil yang juga Menteri Penerangan kepada pemberita selepas menyampaikan taklimat kepada kakitangan pejabat penerangan, di sini.

Katanya mungkin presiden memerlukan masa untuk memikirkan tentang pelantikan kerana terdapat banyak biro ataupun mungkin presiden ingin mendapatkan pandangan daripada yang lain-lain dalam parti.

Beliau berkata bagi jawatankuasa tetap ia tetap berfungsi, seperti jawatankuasa pengurusan dan disiplin dipengerusikan oleh timbalan presiden Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, manakala jawatankuasa tetap mengenai keahlian dan pengundi telahpun diputuskan oleh MT dahulu dipengerusikan oleh naib presiden Datuk Seri Najib Tun Razak.

-- BERNAMA

AZ zb